



MEMPELAI BANJIR...pasangan Zulham Jonit dan Rita Paikuni (kiri) dan pasangan warga emas, Ahmad Jani dan Rahimah Mohd Yusof tetap melangsungkan majlis perkawinan mereka di pusat pemindahan. **Berita di muka 8**

Banjir di Johor semakin buruk

> Gelombang kedua banjir di Johor yang bermula sejak empat hari lalu dilihat lebih buruk berbanding kejadian pertama bulan lalu, apabila hujan berterusan di seluruh negeri ini dan tiada tanda banjir mulai surut. Jurucakap bilik gerakan banjir berkata, sehingga jam 12 tengah malam tadi, 109,556 mangsa ditempatkan di 340 pusat pemindahan.

Bah kedua lebih buruk

Lebih 100,000 dipindah, hujan masih tidak berhenti, air tidak surut dan 30 jalan utama terpaksa ditutup

>>Oleh Manan Samad, Saipul Adli Mohamad, Zalifah Mohd Yatim, Mohd Roji Abdullah, Paiman Selamat dan Anja Asmara
am@hmetro.com.my

JOHOR BAHRU: Gelombang kedua banjir di Johor yang bermula sejak empat hari lalu, dilihat lebih buruk berbanding kejadian pertama bulan lalu, apabila hujan masih tidak berhenti di semua lapan daerah dan tiada tanda banjir mulai surut.

Banjir kali ini menyaksikan lebih 30 jalan utama tidak boleh dilalui menyebabkan empat bandar Kota Tinggi, Tenggara, Mersing serta Segamat terputus hubungan darat dan hanya boleh disinggahi menggunakan helikopter.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Ibu Pejabat Polis Kontinjen negeri, berkata sehingga jam 12 tengah malam tadi, seramai 109,556 mangsa membabitkan 23,671 keluarga ditempatkan di 340 pusat pemindahan di seluruh negeri.

Beliau berkata, Batu Pahat mencatatkan jumlah mangsa tertinggi apabila 36,144 orang daripada 8,116 keluarga ditempatkan di 123 pusat pemindahan banjir.

Menurutnya, dalam tempoh dua jam, Segamat mencatatkan jumlah mangsa berganda apabila 8,885 mangsa daripada 2,322 keluarga ditempatkan di 27 pusat pemindahan, berbanding 4,738 mangsa daripada 1,179 keluarga di 26 pusat pemindahan, pada jam 10 malam.

Di Johor Bahru, sejumlah 17,045 mangsa banjir daripada

3,677 keluarga ditempatkan di 24 pusat pemindahan, diikuti Kluang dengan 16,156 mangsa daripada 3,723 di 54 pusat pemindahan.

Di Kota Tinggi pula, seramai 13,163 mangsa daripada 2,822 keluarga di 38 pusat pemindahan; di Mersing dengan 8,043 mangsa daripada 1,724 keluarga di 21 pusat pemindahan.

Manakala di Muar, seramai 5,611 mangsa daripada 1,287 ditempatkan di 24 pusat pemindahan dan di Pontian, seramai 4,519 mangsa daripada 1,032 keluarga di 29 pusat pemindahan.

Walaupun Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kelmarin, menyerahkan kepada Bahagian Keselamatan Negara (BKN) untuk menentukan sama ada darurat perlu diisytiharkan di kawasan banjir di Johor, masih belum ada sebarang pengumuman rasmi berhubung perkara itu.

Selain itu, lebih 20,000 penduduk seluruh negeri ini, kini terpaksa bergelap selepas bekalan elektrik terputus apabila 153 pencawang elektrik ditenggelami air.

Malah, antara jam 8 hingga 11.30 pagi semalam, seluruh daerah Kota Tinggi terputus bekalan apabila pencawang elektrik yang membawa talian 132 kilovolt (kv) hampir tumbang.

Malah, hujan lebat berterusan secara menyeluruh di hampir setiap daerah dengan anggaran lebih 600 milimeter (mm) dalam tempoh empat hari lalu, menyebabkan kandungan air dalam tanah menjadi tepu sekali gus ke-

upaya tanah menyerap air berkurangan.

Pengarah Institut Pengurusan Alam Sekitar dan Sumber Air (IPASA), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof Madya Dr Zulkifli Yusop, berkata faktor itu menyebabkan negeri ini dilanda banjir besar kali kedua dalam tempoh tiga minggu.


"Selepas Johor dilanda banjir besar pada 19 Disember lalu, kandungan air dalam tanah yang dilanda banjir menjadi tepu. Ia seterusnya menyebabkan keupayaan tanah untuk menyerap lebih banyak air hujan semakin kurang sehingga membentuk lebih banyak larian air di permukaan tanah.

"Banjir kali kedua di negeri ini juga disebabkan kandungan air di tasik, sungai, parit semakin meningkat kerana hujan lebat pada pertengahan bulan lalu dan awal tahun ini.

"Paten hujan yang melanda Johor adalah berterusan dan menyeluruh di kawasan yang luas dan kejadian sebegini menyebabkan air lebih cepat berkumpul di kawasan rendah," katanya.

Beliau berkata, purata hujan monsun di Johor sebelum ini kira-kira 100 mm sehari manakala purata jumlah hujan bulanan ketika musim tengkujuh pada Disember hingga Januari sekitar 350 mm hingga 400 mm.

Dr Zulkifli berkata, kejadian gelombang banjir dua kali yang dialami Johor ini, satu fenomena luar biasa dan berpendapat ia disebabkan pengaruh monsun serta kesan pemanasan global.



BANTU...Halimah bersama kakitangan AmBank menyampaikan bantuan kepada mangsa banjir.

>Diberi suntikan

JOHOR BAHRU: Lebih 100,000 mangsa banjir serta petugas di pusat pemindahan sementara di negeri ini, diberi suntikan pelalian kepala bagi mengelak jangkitan penyakit 'Leptospirosis'.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Kesihatan negeri, Datuk Halimah Mohd Sadique berkata, Jabatan Kesihatan Johor sudah memulakan proses suntikan berkenaan kepada mangsa banjir.

Katanya, semua cuti kakitangan Jabatan Kesihatan serta hospital dibekukan bagi membolehkan mereka memberikan suntikan berkenaan.

Katanya, suntikan berkenaan penting bagi mangsa banjir untuk mencegah penyakit

'Leptospirosis' yang disebarkan melalui air kencing tikus hingga boleh mendatangkan kematian kepada penghidapnya.

"Dua hingga tiga kakitangan Jabatan Kesihatan negeri sudah ditempatkan di semua pusat pemindahan bagi memberikan suntikan berkenaan.

"Semua mangsa banjir termasuk petugas perlu mendapatkan suntikan berkenaan," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.



KUNCI...kakitangan Pos Malaysia mengunci pagar sebagai langkah keselamatan.



TENGGELEM ...banjir mencecah bumbung rumah di tengah pekan Kota Tinggi.